

**KAJIAN TAHAP KUALITI PENGAJARAN GURU TABIKA PERPADUAN  
DAN HUBUNGANNYA DENGAN LATIHAN**

***KETUA PENYELIDIK***

PROF. DR. NOR HASHIMAH HASHIM

***PENYELIDIK BERSAMA***

PROF. MADYA, DR. HASHIMAH MOHD YUNUS

PROF. MADYA, DR. TANG KEOW NGANG

NORLIDA AHMAD

PROF. MADYA, DR. YAHYA CHE LAH

DR. MOHAMAD ZOHIR AHMAD

TN HJ. MOHD. NORAWI ALI

PROF. MADYA, DR. SHUKI OSMAN

PROF. DR. MUNIRAH GHAZALI

**2010**

# **KAJIAN TAHAP KUALITI PENGAJARAN GURU TABIKA PERPADUAN DAN HUBUNGANNYA DENGAN LATIHAN**

## **Abstrak**

Pengajaran berkualiti adalah sangat penting bagi memastikan keberkesanan pembelajaran kanak-kanak. Satu kajian telah dijalankan untuk meninjau tahap kualiti pengajaran guru Tabika Perpaduan berdasarkan persediaan rancangan pengajaran, pelaksanaan pengajaran dan ciri-ciri guru. Kajian ini menggabungkan kaedah kuantitatif dan kualitatif. Seramai 477 responden yang terdiri daripada guru Tabika Perpaduan terlibat dalam menjawab soal selidik yang bersifat penilaian sendiri dan 15 responden terlibat dalam pemerhatian. Dapatan menunjukkan percanggahan antara dapatan soal selidik dan pemerhatian berkaitan tahap kualiti pengajaran guru Tabika Perpaduan. Guru Tabika Perpaduan menilai tahap kualiti pengajaran mereka sebagai tinggi manakala pemerhatian sebenar menunjukkan tahap kualiti pengajaran guru tabika yang agak rendah. Hubungan antara kualiti pengajaran guru dengan tiga pemboleh ubah demografi (latihan, pengalaman dan kelayakan) adalah tidak signifikan. Hal ini menunjukkan bahawa tidak ada perbezaan daripada segi kualiti pengajaran guru tabika dalam sampel kajian ini sama ada mereka menerima latihan, mempunyai kelayakan dan berpengalaman atau sebaliknya. Walau bagaimanapun, guru tabika hanya menerima latihan dalam perkhidmatan yang tidak mencukupi dan mempunyai kelulusan SPM. Pengalaman yang lama juga didapati tidak menjamin kualiti pengajaran yang baik. Selain itu, masalah guru tabika dapat dikategorikan pada enam, iaitu masalah penilaian dan pengawasan kanak-kanak, masalah melaksanakan aktiviti/langkah pengajaran, masalah menyediakan rancangan pengajaran, dan masalah penglibatan ibu baps. Implikasi kajian ini ialah pemantauan atau penilaian guru oleh pihak Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional atau penilaian dari institusi lain perlu diadakan. Di samping itu, latihan guru yang berterusan untuk meningkatkan profesionalisme guru amat perlu untuk menjamin kualiti pengajaran guru dan seterusnya meningkatkan keberkesanan pembelajaran kanak-kanak.